

U GB 18-01 00157 BA229

bah

DR MAHATHIR MINTA LAPORAN LENGKAP TENTANG CUKAI DI LANGKAWI

Mahathir - Cukai

LANGKAWI, 18 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta kerajaan Kedah mengemukakan laporan lengkap mengenai pungutan cukai oleh kastam yang dikatakan tinggi ke atas barangan yang dibeli oleh pelawat di pulau ini.

Perdana Menteri berkata perkara itu turut dibincang dalam perjumpaannya dengan pegaxai-pegawai kastam dan imigresen di sini semalam.

Ketika bercakap kepada pemberita di Lapangan Terbang Langkawi sebelum berlepas ke Kuala Lumpur hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkaa beliau diberitahu bahawa langkah kastam mengenakan cukai tinggi itu menjejaskan keinginan pelancong membeli-belah di pulau bebas cukai ini.

+Memandang perkara itu baru timbul sekarang, saya meminta kerajaan negeri dan pihak yang berkenaan menyampaikan laporan lengkap untuk dikaji,+ katanya.

Perdana Menteri berkata kastam terpaksa membuat pemeriksaan ketat dan mengenakan cukai mengikut aturan untuk mengelak mereka dituduh menjerima rasuah. -- Lagi

▼18/01/17-52MST

U GB 18-01 00129 BA230

bah

Mahathir - Cukai 2 Langkawi

Beliau memberi contoh bagaimana Kastam, terpaksa bertindak demikian setelah mendapati ada murid sekolah yang melancong 'secara kumpulan membeli minumari keras dan rokok.

+Mungkin rokok dan minuman keras itu bukan kepunyaan mereka sebaliknya orang lain yang menggunakan murid-murid itu,+ katanya.

Perdana Menteri berkata; memang ada peraturan para pelancong yang tinggal lebih 72 jam di Langkawi dibenar membeli barangan tidak lebih \$500 tanpa cukai untuk kegunaan sendiri atau sebagai hadiah.

+Tetapi jika seseorang membeli rokok bernilai \$500, itu bukan lagi untuk kegunaan sendiri,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan juga akan mengkaji masalah pekerja asing dari sebuah negara jiran yang datang dan bekerja di pulau ini menggunakan pas lawatan sosial.

Katanya, kebanyakan daripada mereka itu bekerja di kedai makan serta restoran yang penduduk tempatan sendiri enggan bekerja, dan jika tindakan diambil, ia akan menjejaskan perniagaan sektor itu yang merupakan salah satu aktiviti perniagaan penting di pulau ini.

Perdana Menteri berkata perkara itu tidak seharusnya diselesaikan mengikut undang-undang sahaja tetapi satu penyelesaian yang wajar perlu dicari.

Datuk Seri Dr Mahathir yang berada di sini sejak Khamis lepas, melawat gerai-gerai perniagaan di kompleks Lapangan Terbang Langkawi sebelum berlepas ke Kuala Lumpur. -- Bernama

▼18/01/17-56MST